

14 DEC 1998

TENAGA NASIONAL SERAH PROJEK ELEKTRIK KEPADA BOSNIA

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyerahkan pakej projek bekaan elektrik kepada pihak berkuasa Bosnia-Herzegovina bagi menggerakkan semula sistem pengagihan elektrik di negara itu.

Upacara penyerahan projek itu oleh Presiden dan Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali kepada Pengurus Besar Pihak Berkuasa Elektrik Bosnia Meho Obradovis berlangsung di Sarajevo hari ini.

Projek itu termasuk pusat kawalan pengagihan bagi mengendalikan pengagihan bekalan elektrik kepada ibu negara, Sarajevo.

Bantuan itu ialah susulan daripada inisiatif oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kerajaan Malaysia bagi membangunkan semula negara itu, menurut Tenaga Nasional dalam satu kenyataan di sini.

"Tenaga Nasional telah memainkan peranan aktif dengan menyediakan bantuan teknikal dan kewangan sehingga RM3.3 juta, yang sebahagian daripadanya digunakan untuk menubuhkan pusat itu," menurut kenyataan.

Pakej bantuan itu meliputi melatih tujuh pekerja Bosnia selama empat minggu di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada 1996, audit teknikal ke atas Stesen Janakuasa Tuzla dan penubuhan Majlis Penyeliaan serta Pusat Pengumpulan Data.

-- BERNAMA

MNY FAZ